

KEPENTINGAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN PERSONALITI GURU PENDIDIKAN ISLAM KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (GPI KAFA) DI MALAYSIA

Mohammad Abu Bakar¹ & Mohd Aderi Che Noh²

Universiti Pendidikan Sultan Idris¹ & Universiti Sains Islam Malaysia²

fitratulhayat@gmail.com¹ & aderi@usim.edu.my²

ABSTRACT

Islamic Education Teacher Al-Quran and Fardu Ain Class (GPI KAFA) is a role model that is used as a role model by KAFA students. Their communication and personality aspects will serve as role models to colleagues and students while at the KAFA premises. Accordingly, the purpose of this study is to examine the relationship between communication skills and personality among GPI KAFA in Malaysia. This study uses a quantitative approach by using a survey method involving a total of 1908 GPI KAFA in Malaysia. Questionnaires using a 5-point Likert scale were selected to conduct this study. The data was then used using SPSS version 2.2. The overall mean value of the communication skills score was high at 4.48 (sd: 0.441), while the overall value of the KAFA GPI personality score was also at a high level of 4.70 (sd: 0.329). The findings of the study also indicate that there is a significant relationship between communication skills and personality among KAFA GPIs. The implications of this study have a positive impact on the teaching and learning of GPI KAFA throughout Malaysia to improve their skills and personalities in the pedagogy of Islamic education. This study will be a reference and the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and the State Responsible Agency in providing training to GPI KAFA.

Keywords: *Teaching Skills, Personality, Islamic Education Teachers Quran Classes and Fardhu Ain (GPI KAFA)*

ABSTRAK

Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardu Ain (GPI KAFA) adalah merupakan *role model* yang dijadikan contoh teladan oleh murid KAFA. Aspek komunikasi dan personaliti mereka akan menjadi contoh teladan kepada rakan sekerja dan murid ketika berada di premis KAFA. GPI KAFA perlu memahami kaedah serta teknik berkesan dalam menyampaikan pengajaran kepada murid KAFA agar tidak memberi kesan negatif terhadap diri mereka. Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara kemahiran komunikasi dan personaliti dalam kalangan GPI KAFA di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 1908 orang GPI KAFA di Malaysia. Soal selidik menggunakan skala Likert 5-point dipilih bagi melaksanakan kajian ini. Data kemudiannya di menggunakan SPSS versi 2.2. Nilai min keseluruhan skor kemahiran komunikasi adalah tinggi iaitu 4.48 (sd: 0.441), manakala nilai keseluruhan skor personaliti GPI KAFA juga pada tahap yang tinggi iaitu 4.70 (sd: 0.329). Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dan personaliti dalam kalangan GPI KAFA. Implikasi kajian ini memberi kesan positif kepada pengajaran dan pembelajaran GPI KAFA di seluruh Malaysia agar mempertingkatkan kemahiran dan personaliti diri mereka dalam aspek pedagogi pendidikan Islam. Kajian ini akan menjadi rujukan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Agensi Bertanggungjawab Negeri dalam menyediakan latihan kepada GPI KAFA.

Kata Kunci: Kemahiran Pengajaran, Personaliti, Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA)

PENGENALAN

Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) mula dilaksanakan pada tahun 1990. Pendidikan KAFA ini diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Agensi Bertanggungjawab Negeri iaitu Yayasan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri. Kajian ini membincangkan perihal pedagogi pengajaran Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA) yang dilaksanakan di premis KAFA seluruh Malaysia. Dua elemen yang dibincangkan adalah kemahiran komunikasi dan personaliti GPI KAFA dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Tujuan kajian ini adalah untuk membantu organisasi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menjelaskan maklumat dengan cara yang saintifik, memberikan data yang konkrit, mengenal pasti sebab-sebab berlakunya sesuatu perkara dan sebagai sumber maklumat yang sahih.

GPI KAFA perlu memahami dengan mendalam maksud kemahiran komunikasi dan personaliti agar mereka dapat melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan. Kemahiran komunikasi merupakan satu kebolehan yang perlu diwujudkan bagi membina medium hubungan apabila ingin menyampaikan sesuatu kepada orang lain. Kemahiran ini boleh difahami dalam pelbagai bentuk sama ada ketika membaca, menulis dan mendengar (Nurul Salmi & Mohd Isha, 2014; Sohana & Hairun Najuwah, 2017). Komunikasi juga berkait rapat dengan teknologi maklumat seperti telefon mudah alih dan aplikasi komputer seperti *facebook* dan *instagram* (Nurul Amira et al. 2020). Ilmu komunikasi menjadi elemen penting dalam penyampaian maklumat dan merupakan asas untuk berhubung pada hari ini. Justeru komunikasi yang berkesan mampu menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang baik.

Manakala peranan personaliti dalam kehidupan memberi impak yang besar dalam kehidupan manusia. Personaliti boleh difahami sebagai sahsiah diri atau keperibadian seseorang (Kamarul Azmi et al. 2009; Khairul Anuar 2012; Razila et al, 2018; Muriyah et al. 2018; Wan Ali Akbar, 2021). Dalam konteks guru yang berkhidmat di sekolah, ia dilihat sebagai penampilan yang menjadi *role model* kepada pihak pentadbir, rakan sekerja dan murid ketika berada di sekolah.

Personaliti adalah merupakan perkara yang unik kerana membezakan watak diri seseorang (Ahmad Fakhruddin, 2018). Dari itu, dalam memperlihatkan personaliti yang baik, beberapa aspek perlu dilaksana oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) seperti bersih tubuh badan, sentiasa menyayangi murid-muridnya serta berpakaian kemas dan sopan. Personaliti yang baik mampu memberi kesan positif kepada pembentukan sahsiah diri dalam kalangan guru dan murid-murid.

Ini amat bertepatan dengan pandangan Nasih Ulwan (2000) yang menjelaskan bahawa kaedah yang lengkap dalam pendidikan jiwa, pembentukan akhlak dan pembinaan tamadun dalam pendidikan Islam. Beliau juga menjelaskan bahawa pendidikan memiliki tanggungjawab sosial dan amat penting untuk dipelajari oleh GPI merangkumi aspek menghormati hak orang lain, menanam prinsip kerohanian yang baik, menjaga sopan santun dalam pergaulan dan tugas sosial dalam mengawal diri (Nasih Ulwan 2000).

Kepentingan peningkatan elemen kemahiran komunikasi dan personaliti dalam kalangan guru mampu meningkatkan pencapaian mereka dalam pendidikan. Justeru itu, kajian ini amat memerlukan penyelidikan khusus bagi memperkasa pendidikan Islam di Malaysia. GPI KAFA juga perlu sentiasa memperbaiki kemahiran dan keperibadian diri dalam memastikan Pendidikan KAFA dapat mencapai objektif penubuhannya.

PERNYATAAN MASALAH

Pedagogi pengajaran GPI KAFA amat memerlukan penambahbaikan khususnya dalam aspek tertentu seperti kemahiran komunikasi dan personaliti dalam memahami kaedah dan teknik pengajaran berkesan (Ab. Halim et al 2012). Sebahagian GPI KAFA yang kurang mengikuti kursus pedagogi merupakan kesan kepada sesi pengajaran dan pembelajaran guru berada di tahap sederhana (MAMPU 1996; UPM 2002; Jabatan Ketua Audit Negara 2008, 2014; JAKIM 2016, 2017 dan JAIPk 2016). Kedua-dua elemen ini juga telah memberi gambaran negatif kepada keberkesanan pengajaran guru dan kaedah pengajaran yang tidak mampu menarik minat murid dalam proses pembelajaran (Junita dan Wan Mohd Rashid 2019).

Aspek komunikasi dalam pengajaran perlu diberikan perhatian khusus kerana ia merupakan sebahagian proses penyampaian ilmu kemahiran dan pengetahuan kepada GPI (Noor Shamshinar et al., 2019; Wardyawaty & Mohd Isa, 2020). Pengajaran secara '*chalk and talk*' serta komunikasi sehalia tidak seharusnya dilaksana dalam pendidikan hari ini (Nor Fatin Shamimi, 2021; Wan Mariana, 2021). Maka aspek penambahbaikan kemahiran komunikasi adalah amat bertepatan bagi menggalakkan kekreatifan murid dan menapis maklumat benar yang diperoleh semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

GPI KAFA juga perlu menghayati peranan serta memiliki personaliti yang baik agar menjadi suri teladan serta mempengaruhi pembentukan peribadi kepada murid mereka (Mohammad & Mohd Aderi , 2019). Kesan daripada contoh teladan baik ini akan dapat menarik minat murid untuk belajar dalam suasana yang harmoni. Syafiqah Soleh & Tengku Sarina (2017) menjelaskan bahawa terdapat beberapa isu yang menjelaskan personaliti mereka seperti tidak amanah semasa waktu kerja, merokok dalam kawasan sekolah, tidak hadir bekerja tanpa sebab, melanggar batas perhubungan guru dan pelajar, kurangikhlas dalam menyampaikan ilmu dan lain-lain lagi.

Justeru itu, kajian ini amat bertepatan dengan kajian keberkesanan KAFA dan daptan dari pemantauan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam mengkaji aspek kemahiran komunikasi dan personaliti GPI KAFA di Malaysia (JAKIM 2015, 2016).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan bagi mengkaji hubungan kemahiran komunikasi dan personaliti GPI KAFA di Malaysia. Objektif kajian ini adalah merujuk kepada perkara berikut:

1. Mengenal pasti min kemahiran komunikasi GPI KAFA.
2. Mengenal pasti min personaliti GPI KAFA.
3. Menganalisis hubungan kemahiran komunikasi dan personaliti GPI KAFA.

TINJAUAN LITERATUR

Kemahiran Komunikasi

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat memberi makna kepada pendidikan Islam khususnya dalam Pendidikan KAFA di Malaysia. Aspek kemahiran pedagogi seperti kemahiran komunikasi dan personaliti perlu diambil perhatian oleh GPI KAFA ketika sesi pengajaran berlangsung. Kajian Noor Shamsinar et al, (2019) menerangkan bahawa kemahiran komunikasi

merupakan syarat bagi memastikan pengajaran yang disampaikan berkesan dan murid dapat menguasai pengajaran dengan baik. Kajian Kamarulnizam & Zetty Nurzuliana (2019) bersetuju bahawa penyampaian komunikasi yang berkesan mampu menghasilkan mutu pencapaian terbaik kepada murid. Ini jelas menunjukkan bahawa GPI KAFA aspek komunikasi perlu dipergiat pada setiap masa.

Kajian Noor Shamsinar et al, (2019), Normiati & Abdul Said, (2019) dan Norma & Mohd Isa, (2020) mendapati interaksi antara guru dan murid mampu membina proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. GPI juga perlu memiliki daya kreativiti bagi mempelbagaikan strategi komunikasi serta pengajaran berpusatkan murid di bilik darjah. Perkara ini merupakan pengaruh yang baik dalam kualiti pendidikan semasa. Ketiga-tiga kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan kemahiran komunikasi akan mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran guru.

Kajian Yun Xuan & Faridah, (2022) pula mendapati bahawa komunikasi interpersonal amat penting dikuasai oleh setiap guru. Komunikasi yang berkesan ini akan memudahkan urusan sehari-hari bersama pihak pentadbir, rakan sekerja dan murid. Komunikasi ini melihat kepada aspek seseorang itu mendengar, berempati, bercakap dan mengurus perasaan dengan baik. Ini menunjukkan bahawa elemen komunikasi lisan dan bukan lisan adalah interpersonal yang perlu difahami dengan baik sebelum dapat diperaktikkan dengan berkesan.

Personaliti

Rasulullah SAW merupakan seorang tokoh personaliti unggul kepada umat Islam sejak dari zaman dahulu lagi. Baginda Nabi Muhammad SAW juga merupakan sosok guru yang hebat dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Keperibadian baginda menjadi contoh kepada sahabat dan umat Islam keseluruhannya (Abu Ghuddah, 1997; Wan Ali Akbar, 2021). Maka jelaslah Rasulullah SAW merupakan contoh ikutan terbaik khasnya dalam aspek pendidikan Islam.

Kajian Muriyah et al. (2018) berkenaan karakteristik guru al-Quran menjelaskan bahawa pembentukan personaliti guru yang luhur merupakan asas kepada profesionalisme guru dalam Islam. Kajian juga menjelaskan bahawa terdapat enam ciri utama guru yang perlu dikembangkan iaitu mahir dalam ilmu, personaliti yang baik, ikhlas, adil kepada murid, sabar dalam mendidik dan mementingkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran berbanding urusan yang lain.

Kualiti personaliti guru yang digabung jalin dengan aspek motivasi yang tinggi mampu melahirkan generasi ilmuwan dalam pendidikan. Ini kerana guru memiliki kestabilan emosi dalam menangani isu dengan baik (Razila et al. 2019). Pandangan ini disokong oleh Kajian Noor Azizah dan Suziyani, (2021) di mana personaliti guru yang baik akan mengamalkan akhlak yang mulia dalam pengajarannya seperti ikhlas, kasih sayang, menjadi suri teladan kepada murid dan nasihat berhikmah. Ini menunjukkan personaliti GPI amat penting pembentukan akhlak dan kecekapan sosial murid (*social intelligence*).

Kajian Wan Ali Akbar et al. (2021) menjelaskan bahawa GPI perlu menguasai konsep 11 mim *murabbi, muaddib, murshid, muwajjih, muslih, mukhlis, muzakki, muallim, mudarris, mudarrib* dan *mubdi'* untuk menjadi guru yang sentiasa bermuhasabah diri. Aspek komunikasi yang baik dan personaliti contoh perlu sentiasa ditampilkan di hadapan murid dan rakan. Maka, GPI perlu kepada sifat yang komprehensif agar menjadi ikutan baik pada setiap masa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan kaedah kajian tinjauan. Ini bertepatan dengan kajian yang berhasrat untuk menganalisis hubungan di antara kemahiran komunikasi dan personaliti GPI KAFA. Di samping itu, kajian turut menganalisis min kemahiran komunikasi dan personaliti dalam kalangan GPI KAFA di Malaysia.

Kaedah tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik khususnya dalam kajian bukan eksperimental terutama kajian pendidikan (Nur Akalili & Nurfaradilla, 2021). Kaedah tinjauan berupaya dalam menyampaikan maklumat yang diukur menggunakan nombor (*numerical*) bagi kedua-dua boleh ubah iaitu kemahiran komunikasi dan personaliti GPI KAFA. Selain itu, kajian ini mengambil masa yang singkat dan bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

Pengumpulan data adalah melalui dapatan instrumen soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dan inferens. Nilai alfa Cronbach yang diperoleh dari bahagian yang terdapat dalam soal selidik GPI KAFA adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Nilai tahap Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Aspek	Nilai Cronbach alpha	Jumlah Item
Kemahiran Komunikasi	0.880	10
Personaliti	0.915	15

Jadual 2: Profil responden (jantina)

Sub konstruk	Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	276	14.5
	Perempuan	1629	85.4

Jadual 2 menunjukkan sejumlah 85.4% GPI KAFA (1629 orang) adalah perempuan manakala 14.5% GPI KAFA (276 orang) adalah lelaki. Perkara ini menjelaskan jumlah GPI KAFA perempuan adalah lebih ramai berbanding GPI KAFA lelaki berdasarkan jantina dalam kajian.

HASIL KAJIAN

Hasil dapatan dari kajian ini menerangkan hasrat **objektif 1** kajian ini.

Jadual 3: Taburan skor kemahiran komunikasi merujuk sub konstruk

Sub konstruk	N	Mean	Std. Deviation	Interpretasi
				Tinggi
Komunikasi Lisan	1908	4.480	0.459	
Komunikasi Bukan Lisan	1908	4.483	0.499	Tinggi

Jadual 3 menjelaskan nilai skor min bagi sub konstruk Kemahiran Komunikasi berada pada tahap tinggi. Min keseluruhan bagi skor kemahiran komunikasi GPI KAFA adalah 4.48 (sd: 0.441). Data ini menunjukkan secara keseluruhan bahawa skor kemahiran komunikasi juga berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4: Taburan skor kemahiran komunikasi mengikut item

Bil	Item	Kekerapan/ Peratusan					Min	SP	Tahap
		STS	TS	KP	S	SS			
D1	Saya menyampaikan pengajaran dengan bahasa yang mudah difahami			24 (1.3)	561 (29.4)	1323 (69.3)	4.68	0.493	Tinggi

D2 Saya menyampaikan pengajaran dengan menggunakan intonasi suara yang jelas	21 (1.1)	512 (26.8)	1375 (72.1)	4.71	0.478	Tinggi		
D3 Saya mengemukakan soalan yang mampu merangsang pemikiran murid	6 (0.3)	13 (7.2)	873 (45.8)	891 (46.7)	4.39	0.633	Tinggi	
D4 Saya mengaplikasikan unsur kecindan (jenaka)	1 (0.1)	21 (1.1)	300 (15.7)	887 (46.5)	699 (36.6)	4.19	0.734	Tinggi

Min Keseluruhan= 4.482	sisihan piawai: 0.441
------------------------	-----------------------

Jadual 4 menjelaskan bahawa GPI KAFA memahami konsep komunikasi dengan baik ketika melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah. Item “menyampaikan pengajaran dengan bahasa yang mudah difahami” dan “menyampaikan pengajaran dengan menggunakan intonasi suara yang jelas” berada pada skor min yang paling tinggi berbanding nilai item yang lainnya. Walau bagaimanapun, data juga menunjukkan bahawa GPI KAFA amat kurang menggunakan unsur kecindan dalam pengajaran dengan nilai min= 4.19 (sp=0.734).

- a) Hasil dapatan dari kajian ini menerangkan hasrat **objektif 2** kajian ini.

Jadual 5: Taburan Skor Personaliti Mengikut Sub Konstruk

Sub konstruk	N	Min	SP	Interpretasi
Penampilan	1908	4.895	0.273	Tinggi
Pengucapan	1908	4.756	0.351	Tinggi
Tingkah Laku	1908	4.504	0.485	Tinggi

Jadual 5 menjelaskan nilai skor min bagi sub konstruk personaliti GPI KAFA, ketiga-tiga sub konstruk berada pada tahap tinggi dan nilai skor min tertinggi. Min keseluruhan skor personaliti GPI KAFA adalah 4.70 (sd: 0.329). Pada keseluruhan menunjukkan personaliti GPI KAFA juga berada pada tahap tinggi.

Jadual 6: Taburan Skor Personaliti Mengikut Item

Bil	Item	Kekerapan/ Peratusan					Min	SP	Tahap
		STS	TS	KP	S	SS			
E1	memastikan pakaian saya menutup aurat dan sopan			5 (0.3)	149 (7.8)	1754 (91.9)	4.92	0.286	Tinggi
E2	sentiasa menjaga penampilan diri			6 (0.3)	228 (11.9)	1674 (87.7)	4.87	0.341	Tinggi
E3	menjaga etika berpakaian agar menjadi contoh baik kepada murid KAFA	1 (0.1)	2 (0.1)	218 (11.4)	1687 (88.4)	4.88	0.331	Tinggi	
E4	memastikan pakaian saya bersih	1 (0.1)	3 (0.2)	164 (8.6)	1740 (91.2)	4.91	0.298	Tinggi	
E5	sentiasa menjaga tutur kata apabila berbincang dengan ibu bapa murid			12 (0.6)	268 (14.0)	1628 (85.3)	4.85	0.377	Tinggi
Min Keseluruhan= 4.706		sisihan piawai: 0.329							

Jadual 6 menunjukkan bahawa item E1 iaitu “memastikan pakaian saya menutup aurat dan sopan” dan item E4 iaitu “memastikan pakaian saya bersih” berada pada skor nilai min yang tinggi. Perihal ini menunjukkan bahawa GPI KAFA amat mementingkan penampilan serta aspek kebersihan mereka pada setiap masa. Data ini menjelaskan bahawa GPI KAFA memahami konsep penampilan diri, aspek pengucapan dan tingkah laku ketika di premis KAFA.

Hasil daptan dari kajian ini menerangkan hasrat **objektif 3** kajian ini.

Jadual 7: Korelasi pearson antara hubungan kemahiran komunikasi dan personaliti

Hubungan	Kemahiran Komunikasi		Interpretasi
	r	Sig.	
Personaliti	.700	0.00	Sangat tinggi

Dapatan hubungan di antara kemahiran komunikasi dan personaliti GPI KAFA menjelaskan analisis Korelasi Pearson yang dijalankan mengarah kepada hubungan yang positif dan nilai 0.70 menunjukkan kekuatan hubungan sebagaimana interpretasi hubungan adalah sangat tinggi. Manakala, nilai alfa adalah 0.05. Ini menjelaskan bahawa semakin tinggi kemahiran komunikasi GPI KAFA, maka semakin tinggi personaliti diri yang ditampilkan GPI KAFA dalam pengajaran mereka. Nilai signifikan adalah $0.00 = p < 0.05$, ini menunjukkan bahawa hipotesis ditolak. Maka, hipotesis alternatif menerangkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran komunikasi dengan personaliti GPI KAFA dalam kajian ini.

PERBINCANGAN

Kajian menunjukkan bahawa tahap GPI KAFA dalam sesi pengajaran berada pada tahap tinggi. Ini merujuk kepada pengumpulan data 1908 orang GPI KAFA di negeri seluruh Malaysia. Skor min bagi kemahiran komunikasi dan personaliti adalah pada tahap yang tinggi, kemahiran komunikasi (Min =4.482, SP= 0.44) dan personaliti guru (Min =4.706, SP= 0.33).

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa GPI KAFA perlu sentiasa diberikan latihan khusus agar mereka mahir dalam aspek pedagogi pengajaran. Pengajaran yang dilaksana oleh GPI KAFA perlu mendapat bimbingan dari pelbagai pihak agar kemahiran mereka dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa walaupun nilai skor min pemboleh ubah menunjukkan nilai yang tinggi. Walau bagaimanapun terdapat item-item yang memiliki nilai yang sederhana tinggi. Justeru itu, penambahbaikan seperti memberi latihan perlu dilakukan kepada GPI KAFA.

Kemahiran komunikasi yang dijalankan oleh GPI KAFA perlu dilakukan dengan cara pelbagai hala. Ini kerana ia dapat memberi lebih manfaat kepada murid dalam pengajaran. GPI KAFA juga perlu mahir dalam menjadikan komunikasi dua hala berlangsung di antar guru dan murid (Kamarulnizam & Zetty Nurzuliana, 2019; Nurul Izzati, 2021). Siti Mursyidah (2020) mendapati kemahiran komunikasi yang berkesan mampu membina kelas pengajaran yang interaktif dan menarik minat murid untuk belajar. Oleh itu, GPI KAFA perlu memandu pengajaran melalui strategi komunikasi yang berkesan. Pendekatan yang menggunakan pelbagai kaedah dan teknik bersesuaian perlu diterapkan ke dalam diri murid agar mereka terbiasa dengan ilmu komunikasi baik.

Selain itu, aspek personaliti GPI KAFA sebagai pendidik perlu dilihat sebagai contoh teladan kepada murid-muridnya. Keperibadian yang baik ini akan menjadi ikutan serta pegangan dalam diri mereka sebagai jati diri dalam menjalani hidup. Personaliti merupakan salah satu faktor dari tahap pembinaan kualiti yang baik (Yakcop & Yan Piaw, 2017; Razila, 2018; Mohd Fahridzakki & Zuria, 2019). Justeru itu, GPI KAFA harus mengambil serius dalam perkara ini agar pendidikan Islam berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun kedua-dua elemen kemahiran komunikasi dan personaliti, masing-masing mempunyai hubungan yang rapat antara satu dengan yang lain.

Dapatkan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dan personaliti GPI KAFA. Nilai hubungan kolerasi pearson 0.70 menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah memiliki hubungan signifikan yang sangat tinggi dalam aspek pengajaran. Ini menjelaskan semakin tinggi kemahiran komunikasi GPI, maka semakin tinggi tingkatan personaliti mereka ketika berkhidmat. Ini juga menunjukkan bahawa GPI KAFA berperanan dalam membimbing muridnya menjadi anak yang soleh dan berakhhlak mulia adalah sangat tinggi (Mohammad & Mohd Aderi, 2019).

Walau bagaimanapun, dorongan baik melalui pendekatan komunikasi berkesan serta keperibadian GPI mampu membawa perubahan kepada sahsiah diri dan pembelajaran kanak-kanak (Noor Azizah & Suziyani, 2021). Maka akanlah generasi kemenjadian murid yang soleh, berilmu dan berakhhlak mulia. Kekuatan komunikasi serta keberhasilan nilai personaliti melalui aktiviti jenaka dalam pengajaran merupakan ciri-ciri guru berkesan (Uzzairah Nabila et al. 2019). Oleh yang demikian, gabungan kedua-dua kemahiran ini dapat membantu GPI KAFA dalam meningkatkan ilmu pedagogi pengajaran mereka.

Pengkaji mencadangkan agar pedagogi yang diperkenal oleh Nasih Ulwan (2000) dan diteliti agar menjadi rujukan kepada GPI KAFA kerana pendekatan yang disampaikan dalam Kitab *Tarbiyatul Aulad* amat terperinci dalam menyampai hasrat dalam melahirkan kemenjadian guru dalam pendidikan Islam. Selain itu, ia menerangkan aspek pedagogi Islam dengan jelas dan tegas dalam membina generasi barisan GPI cemerlang. Inilah yang membezakan peranan GPI yang bertanggungjawab menjadikan murid mengenal Allah dan Rasul-Nya serta ilmu-ilmu fardhu yang lain.

PENUTUP

Kesimpulannya, kedua-dua aspek kemahiran komunikasi dan personaliti amat penting dalam meningkat mutu pengajaran dan perkhidmatan dalam kalangan GPI KAFA di Malaysia (Mohd Isa 2020). Maka, pemerksaan Pendidikan KAFA khususnya dalam aspek latihan yang berterusan kepada GPI KAFA perlu dilaksana sesuai dengan keperluan arus perdana. Aspek ilmu pedagogi dalam kalangan GPI KAFA perlulah sentiasa diambil perhatian. Kesepadan di antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Agensi Bertanggungjawab Negeri diharap dapat memandu pendidikan Islam peringkat rendah sebagai contoh kepada pendidikan arus perdana. Dalam masa yang sama, Pendidikan KAFA juga mengharapkan kepada peruntukan perbelanjaan khusus dalam penambahan tenaga pengurusan dan GPI KAFA memandangkan bilangan murid KAFA kian meningkat. Dari itu, kajian yang lebih mendalam dan terperinci berkenaan Pendidikan KAFA berkenaan amalan pedagogi pengajaran dapat dilaksanakan pada masa akan datang agar aspek pedagogi pengajaran dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan. (2000). *Pendidikan Anak-Anak menurut Pandangan Islam*. Terjemahan Osman Khalid, Sohair Abdul Moneim sery, Siti Sudah Hassn, Fatimah Abdul Ghani Busura Talib dan Ibrahim Yaacob. Jilid Kedua. Cetakan Pertama. Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu Ghuddah, Abd. Fattah. (1997). *Ar-Rasul al-Muallim wa Asalibuhu fi at-Ta'lim, Mendidik Gaya Rasulullah*. Terjemahan Syuhahak Mahmud. Cetakan Kedua 2020. Terbitan: Galeri ilmu Sdn. Bhd.
- Ahmad Fakhruddin Bin Mohd Tahir, Zulkefli Bin Aini dan Rosmawati Mohamad Rasit. (2018). *Perubahan Personaliti Berdasarkan Faktor Agama Menurut Perspektif Islam*. E-Journal of Islamic Thought and Understanding. Vol. 2 Isu 1. Hlm. 61-79.
- Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). (2016). *Kajian Penerimaan Ibu Bapa terhadap Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di Negeri Perak*.
- Jabatan Ketua Audit Negara. (2008). *Kajian Keberkesanan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Pemerhatian Audit Terhadap Pengurusan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016a). *Kajian Keberkesanan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016b). *Kajian Profesionalisme Guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016c). *Integriti dan Tadbir Urus Memperkasa Imej Perkhidmatan. Jabatan kemajuan Islam Malaysia*. Khutbah Jumaat 2 Disember 2016.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2017). *Laporan Pemantauan KAFA*. Bahagian Kemajuan Islam JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). *Laporan Pemantauan KAFA*. Bahagian Kemajuan Islam JAKIM
- Kamarulnizam Sani dan Zetty Nurzuliana Rashed. (2019). *Kertas Konsep Kompetensi Guru Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Agama Integrasi Negeri Selangor*. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2019) 29 Ogos 2019. Hlm. 216-227.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2009). *Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar*. Jurnal Teknologi, 51(E) Dis. 2009: Hlm. 57-71.
- Khairul Anuar A. Rahman. (2012). *Disposisi Guru Berkesan Peronaliti dan Kemahiran Komunikasi*. Akademia 82 (2). Hlm. 37-44.
- Mohammad bin Abu Bakar & Mohd Aderi bin Che Noh. (2019). *Trait Personaliti Guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Dalam Pembentukan Akhlak Murid*. E-Prosing Persidangan Antarabangsa dan Kemanusiaan (PASAK 2019). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. eISBN-978-967-2122-71-5. 24-25 April 2019.
- Mohd Isa bin Hamzah. (2020). *Komunikasi Interpersonal Guru dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan: Peranan dan Cabaran*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020). Hlm. 378-387.
- Mohd Fahridzakki Abd Rahman dan Zuria Mahmud. (2019). *Personaliti Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru: Satu Tinjauan Melalui Psikometrik Tajma Edisi 2*. Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities (GCSSSEH), Vol. 1, 2019. Hlm. 159-167.

- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Aminudin Hehsan dan Mohd Faeez Ilias. (2018). *Karakteristik Guru dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Al-Quran*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi. Vol. 5 No.1 (April 2018). Hlm. 81-93.
- Norma Jusof dan Mohd Isa Hamzah. (2020). *Kemahiran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Berpusatkan Murid: Satu Analisa*. International Journal of Education and Pedagogy. Vol. 2, No. 3, 2020. Hlm.1-26.
- Normiati Batjo, Abdul Said Ambotang. (2019). *Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 2, 2019. Hlm. 30 – 42.
- Noor Azizah Mohd Said1 dan Suziyani Mohamed. (2021). *Hubungan Personaliti Guru Dan Pembentukan Akhlak Kanak-Kanak*. Jurnal Dunia Pendidikan. Vol. 3, No. 1. Hlm. 406-415.
- Noor Shamshinar Zakaria1, Nor Azhan Norul ‘Azmi dan Harun Baharudin. (2019). *Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen Dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education Vol. 3, No. 2 (2019). Hlm. 1-10.
- Nur Akalili Mohd Amin dan Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). *Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19*. Jurnal Dunia Pendidikan. Vol. 3, No. 2. Hlm. 344-361.
- Nur Amirah Ahmadol Marzuki, Zurinah Tahir dan Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). *Penguasaan Kemahiran Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) Terhadap Kecekapan Kerja*. Jurnal Sains Kemanusiaan. Vol. 17. No.9 (2020). Hlm.140-157.
- Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari dan Kesavan Nallaluthan. (2021). *Persepsi Pelajar terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21*. Online Journal for TVET Practitioners. Vol. 6 No. 1 (2021). Hlm. 15-24.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila dan Mashita Abu Hassan. (2018). *Amalan Kualiti Guru dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebanggsaan*. Journal of Management and Operation Research 2019, Vol. 1 (4). Hlm. 1-23.
- Sohana Abdul Hamid dan Hairun Najuwah Jamali. (2017). *Komunikasi Berkesan Membina Sahsiah Pelajar*. Islam Transformatif: Jurnal Pengajian Islam. Vol.1, No.1, Januari-Jun 2017. Hlm. 87-93.
- Siti Mursyidah Mohd Zin, Nurzatil Ismah Azizan, Safinah Ismail, Fatin Nazmin Mansor dan Siti Nur Husna Abd Rahman. (2020). *Elemen Komunikasi Guru Pra Tahfiz Al-Quran di As-Salahuddin Smart Tahfiz School*. Proceeding of The 2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020 (THIQAH 2020) 21-24 Februari. Hotel Ibis Malioboro,Jogjakarta. Indonesia. Hlm. 151-166.
- Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia. (1996). *Laporan Kajian Keberkesanan Program KAFA*. Jabatan perdana Menteri. Julai 1996.
- Universiti Putra Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2002). *Keberkesanan Program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)*. Februari 2002.
- Uzzairah Nabila Ahmad Tazli, Muhammad Ghazawi Zulkarnain, Nurrul Huwaina Ridzuan Lotfi dan Norazly Nordin. (2019). *Hubungan Tret Personaliti Dengan Tahap Pencapaian Akademik Guru Praperkhidmatan*. Selangor Science & Technology Review Special. Isu: Vol. 3, No. 2, (2019). Hlm. 11-23.

- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak dan Mohd Isa Hamzah. (2021). *Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 4 (1) Januari 2021. Hlm. 63-74.
- Wan Mariana Wan Mohamad, Kamarul Shukri Mat Teha dan Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2021). *Elemen Interaksi dalam Diri dan Sesama Manusia Berdasarkan Al-Quran dalam Pembelajaran Abad Ke-21 Pendidikan Islam*. Sains Humanika 13:2 (2021) Hlm. 7-14. Penerbit UTM Press.
- Wardyawaty Rajikal dan Mohd Isa Hamzah. (2020). *Kajian Sistematik Pengajaran Abad Ke-21 (Pak21) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI)*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education Vol. 4, No. 2 (2020). Hlm. 103-113.
- Yakcop Jantan dan Yan Piaw, C. (2017). *Kompetensi Guru Dalam Membentuk Sahsiah Pelajar Sekolah*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil. 4, Isu 3, 2017. Hlm. 1-12.
- Yun Xuan, N. dan Faridah Mydin Cutty. (2022). *Potensi Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG)*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH). Volume 7, Issue 3, 2022. Hlm. 1-17.